



MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
 BAHAGIAN HAL EHWAL AWAM-J7
 Wisma Pertahanan
 Jalan Padang Tembak
 50634 KUALALUMPUR
 Tel: 0320716425
 Laman Web: www.mafhq.mil.my

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR
 23 MAC 2020

(Dikeluarkan pada jam 8.00 pagi)

PENGLIBATAN ATM MEMBANTU PDRM ADALAH WAJAR BAGI MEMPERTINGKATKAN PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM menyambut baik langkah kerajaan dalam menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana ia merupakan langkah terbaik untuk memutuskan rangkaian wabak COVID 19. Justeru, masyarakat perlu faham bahawa Perintah Kawalan Pergerakan ini dilaksanakan atas pertimbangan sewajarnya demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Keputusan melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga adalah satu yang wajar agar PKP ini dapat dilaksanakan atau dikuatkuasakan dengan sebaik mungkin. Justeru, peranan ATM yang bermula pada 22 Mac 2020 seperti yang dinyatakan oleh Menteri Pertahanan adalah membantu PDRM dalam mengadakan rondaan, sekatan jalanraya, mengawal hospital dan sempadan, kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan awam yang berisiko tinggi.

Melalui pelaksanaan hari pertama, saya melihat kolaborasi ATM/PDRM ini tidak perlu dipertikaikan terutama sejauh mana peranan yang dibawa oleh ATM. Ini kerana kita perlu bertindak segera dalam apa jua cara dalam menangani wabak ini. Walaupun pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan mencapai kadar pematuhan 90 peratus, namun kita tidak boleh memandang enteng dengan jumlah 10 peratus yang masih ingkar. Peratusan tersebut melibatkan kira-kira 3 juta orang dan ia merupakan satu jumlah yang besar.

Kegagalan juga bukanlah suatu pilihan di dalam ATM dan justeru itu, apabila tugas diberi untuk membantu PDRM, ATM secara langsung akan membantu memupuk sifat berdisiplin di kalangan rakyat Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah dan arahan yang sah yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

ATM juga bersetuju untuk menguatkuasaan PKP ini diberi tumpuan lebih kepada kawasan-kawasan yang berisiko tinggi seperti lokasi pasar dan pasar raya di mana didapati sehingga kini pengguna didapati masih bersesak dan tidak mengamalkan penjarakan sosial (social distancing).

Orang ramai juga dinasihatkan tidak mudah terpengaruh dengan sebarang berita tular terutama melibatkan informasi/gambar/video/rakaman suara yang menunjukkan aturgerak ATM pada skala besar mahupun perlakuan tidak munasabah yang bakal diambil oleh anggota tentera. Ini kerana ia boleh mencetuskan kebimbangan serta panik dan secara tidak langsung menunjukkan kaedah yang tidak benar dalam penguatkuasaan PKP ini.

Secara keseluruhan, seramai 7,500 anggota ATM ditugaskan untuk membantu PDRM. Di mana anggota-anggota ATM daripada ketiga-tiga perkhidmatan ditugaskan di 405 lokasi Sekatan Jalan Raya dan 272 lokasi adalah rondaan MPV (Mobile Patrol Vehicle) di seluruh negara setiap hari.

-TAMAT-

"KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"



Markas Angkatan
Tentera Malaysia



official.atm2020



@MarkasATM



Markas ATM

